



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

**INDEKS JUALAN RUNCIT
DAN
INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU TAHUN KEEMPAT DAN TAHUNAN 2025**

*RETAIL SALES INDEX
AND
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
FOURTH QUARTER AND ANNUAL 2025*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam



SIARAN MEDIA

JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN SUKU TAHUN KEEMPAT DAN TAHUNAN 2025

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAJUK UTAMA:

JUALAN PERKHIDMATAN MAKANAN DAN MINUMAN MENINGKAT 0.5 PERATUS PADA SUKU TAHUN KEEMPAT 2025

Perbandingan Q4 2025 dan Q4 2024

1. Pada suku tahun keempat (Q4) 2025, nilai jualan perkhidmatan makanan dan minuman telah mencatatkan peningkatan sebanyak 0.5 peratus berbanding Q4 2024, dengan hasil jualan meningkat daripada BND114.4 juta kepada BND115.0 juta. Peningkatan ini adalah terutamanya didorong oleh peningkatan hasil aktiviti lain-lain perkhidmatan makanan seperti medan selera dan kios makanan sebanyak 6.0 peratus, kedai makanan segera dan aktiviti penyajian minuman masing-masing sebanyak 1.9 peratus.
2. Dari segi volum, perkhidmatan makanan dan minuman juga mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 0.2 peratus berbanding Q4 2024.
3. Bagi jualan runcit, kedua-dua nilai dan volum jualan telah mencatatkan penurunan berbanding Q4 2024. Nilai jualan menurun sebanyak 4.8 peratus, dengan hasil jualan menurun daripada BND419.5 juta kepada BND399.5 juta. Ini adalah terutamanya didorong oleh penurunan hasil jualan dalam beberapa aktiviti, iaitu gedung serbaneka sebanyak 6.5 peratus, peralatan komputer dan telekomunikasi sebanyak 21.5 peratus, dan pasaraya sebanyak 5.4 peratus. Walau bagaimanapun, beberapa aktiviti mencatatkan peningkatan, didorong terutamanya oleh stesen minyak sebanyak 0.5 peratus, dan makanan dan minuman di kedai khusus sebanyak 10.6 peratus.

4. Dari segi volum jualan, jualan runcit juga mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 5.5 peratus berbanding Q4 2024.

Perbandingan Tahun 2025 dan Tahun 2024


5. Bagi tahun 2025, nilai jualan perkhidmatan makanan dan minuman telah mencatatkan penurunan sebanyak 0.6 peratus berbanding tahun 2024, dengan hasil jualan menurun daripada BND466.2 juta kepada BND463.3 juta. Ini adalah didorong oleh penurunan hasil jualan bagi restoran sebanyak 1.7 peratus, aktiviti penyajian minuman sebanyak 4.5 peratus, dan aktiviti perkhidmatan katering sebanyak 1.0 peratus. Walau bagaimanapun, kedai makanan segera mencatatkan peningkatan sebanyak 3.9 peratus.
6. Dari segi volum, perkhidmatan makanan dan minuman juga mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 1.0 peratus berbanding tahun 2024.
7. Bagi jualan runcit, nilai jualan telah mencatatkan penurunan sebanyak 3.9 peratus berbanding tahun 2024, dengan hasil jualan menurun daripada BND1,679.7 juta kepada BND1,614.7 juta. Ini adalah terutamanya didorong oleh penurunan hasil jualan dalam beberapa aktiviti, iaitu gedung serbaneka sebanyak 5.4 peratus, pasaraya sebanyak 4.8 peratus, dan peralatan komputer dan telekomunikasi sebanyak 8.3 peratus. Walau bagaimanapun, barangan farmaseutikal dan perubatan, kosmetik dan barang mandian di kedai khusus, dan jam tangan dan barang kemas masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 11.6 peratus dan 12.2 peratus.
8. Dari segi volum jualan, aktiviti jualan runcit juga mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 4.4 peratus berbanding tahun 2024.
9. Indeks Jualan Runcit (RSI) dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (F&BSI) adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan memberikan gambaran trend perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi suku tahun keempat dan tahunan 2025. Laporan penuh boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn>.



INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN SUKU KEEMPAT (Q4) 2025

Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (F&BSI) mengukur perkembangan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman. Ia berfungsi sebagai petunjuk awal mengenai prestasi perkhidmatan makanan & minuman serta corak perbelanjaan pengguna.


TREND INDEKS (Q1 2024 – Q4 2025)



Perubahan Tahun-ke-Tahun Okt-Dis 2025 | Okt-Dis 2024

NILAI	VOLUM
▲ 0.5%	▲ 0.2%

PERUBAHAN TAHUN-KE-TAHUN Q4 2025




NILAI JUALAN: BND115.0 JUTA



INDEKS JUALAN RUNCIT SUKU KEEMPAT (Q4) 2025

Indeks Jualan Runcit (RSI) mengukur perkembangan aktiviti jualan runcit. Ia berfungsi sebagai petunjuk awal mengenai prestasi jualan runcit serta corak perbelanjaan pengguna.


TREND INDEKS (Q1 2024 – Q4 2025)



Perubahan Tahun-ke-Tahun Okt-Dis 2025 | Okt-Dis 2024

NILAI	VOLUM
▼ -4.8%	▼ -5.5%

PERUBAHAN TAHUN-KE-TAHUN Q4 2025



NILAI JUALAN: BND399.5 JUTA



INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN TAHUNAN 2025

Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (F&BSI) mengukur perkembangan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman. Ia berfungsi sebagai petunjuk awal mengenai prestasi perkhidmatan makanan & minuman serta corak perbelanjaan pengguna.


TREND INDEKS (2020 – 2025)



Perubahan Tahun-ke-Tahun Jan-Dis 2025 | Jan-Dis 2024

NILAI	VOLUM
▼-0.6%	▼-1.0%

PERUBAHAN TAHUN-KE-TAHUN 2025



NILAI JUALAN: BND463.3 JUTA



INDEKS JUALAN RUNCIT TAHUNAN 2025

Indeks Jualan Runcit (RSI) mengukur perkembangan aktiviti jualan runcit. Ia berfungsi sebagai petunjuk awal mengenai prestasi jualan runcit serta corak perbelanjaan pengguna.


TREND INDEKS (2020 – 2025)



Perubahan Tahun-ke-Tahun Jan-Dis 2025 | Jan-Dis 2024

NILAI	VOLUM
▼ -3.9%	▼ -4.4%

PERUBAHAN TAHUN-KE-TAHUN 2025



NILAI JUALAN: BND1,614.7 JUTA



MEDIA RELEASE

**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
FOURTH QUARTER AND ANNUAL 2025**

BRUNEI DARUSSALAM

MAIN HEADLINE:

SALES OF FOOD & BEVERAGE SERVICES INCREASED BY 0.5 PER CENT IN FOURTH QUARTER OF 2025

Comparison of Q4 2025 and Q4 2024

1. *In the fourth quarter (Q4) of 2025, sales value of food and beverage services recorded an increase of 0.5 per cent compared to Q4 2024, with sales revenue increasing from BND114.4 million to BND115.0 million. This growth was mainly attributed to increases in sales revenue in other food services activities such as food courts and food kiosks by 6.0 per cent, fast-food outlets, and beverage serving activities by 1.9 per cent, respectively.*
2. *In terms of volume, food and beverages services also recorded a positive growth of 0.2 per cent compared to Q4 2024.*
3. *For retail sales, both the sales value and volume recorded a decrease compared to Q4 2024. The sales value decreased by 4.8 per cent, with sales revenue decreasing from BND419.5 million to BND399.5 million. This was mainly attributed to lower sales in several activities, namely department stores by 6.5 per cent, computer and telecommunications equipment by 21.5 per cent, and supermarkets by 5.4 per cent. However, several activities recorded an increase, mainly driven by petrol stations by 0.5 per cent, and food and beverages in specialised stores by 10.6 per cent.*

4. *In terms of volume, retail sales also recorded a negative growth of 5.5 per cent compared to Q4 2024.*

Comparison between 2025 and 2024


5. *In 2025, the sales value of food and beverage services recorded a decrease of 0.6 per cent compared to 2024, with sales revenue decreasing from BND466.2 million to BND463.3 million. This was attributed to lower sales value in restaurant by 1.7 per cent, beverage serving activities by 4.5 per cent, and catering service activities by 1.0 per cent. However, fast-food outlets recorded an increase of 3.9 per cent.*
6. *In terms of volume, food and beverage services also recorded a negative growth of 1.0 per cent compared to 2024.*
7. *For retail sales, the sales value recorded a decrease of 3.9 per cent compared to 2024, with sales revenue decreasing from BND1,679.7 million to BND1,614.7 million. This was mainly attributed to lower sales in several activities, namely department stores by 5.4 per cent, supermarkets by 4.8 per cent, and computer and telecommunications equipment by 8.3 per cent. However, pharmaceutical and medical goods, cosmetics and toilet articles in specialized stores, and watches and jewellery recorded increases of 11.6 per cent and 12.2 per cent, respectively.*
8. *In terms of volume, retail sales activity also recorded a negative growth of 4.4 per cent compared to 2024.*
9. *Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and provide an outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam for Q4 and annual 2025. Full reports are available from DEPS's website: <https://deps.mofe.gov.bn>.*



FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX FOURTH QUARTER (Q4) 2025

The Food & Beverages Services Index (F&BSI) measures the movements of food & beverages services activities. It serves as a leading economic indicator of the food & beverages services performance as well as consumer spending behavior.


INDEX TREND (Q1 2024 – Q4 2025)



Year-on-Year Change Oct-Dec 2025 | Oct-Dec 2024

VALUE	VOLUME
▲ 0.5%	▲ 0.2%

YEAR-ON-YEAR CHANGE Q4 2025



VALUE OF SALES: BND115.0 MILLION



RETAIL SALES INDEX FOURTH QUARTER (Q4) 2025

The Retail Sales Index (RSI) measures the movements of retail sales activities. It serves as a leading economic indicator of the retail trade performance as well as consumer spending behavior.


INDEX TREND (Q1 2024 – Q4 2025)



Year-on-Year Change Oct-Dec 2025 | Oct-Dec 2024

VALUE	VOLUME
▼ -4.8%	▼ -5.5%

YEAR-ON-YEAR CHANGE Q4 2025



VALUE OF SALES: BND399.5 MILLION



FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX ANNUAL 2025

The Food & Beverages Services Index (F&BSI) measures the movements of food & beverages services activities. It serves as a leading economic indicator of the food & beverages services performance as well as consumer spending behavior.

INDEX TREND (2020 – 2025)



Year-on-Year Change Jan-Dec 2025 | Jan-Dec 2024

VALUE	VOLUME
▼ -0.6%	▼ -1.0%

YEAR-ON-YEAR CHANGE 2025



VALUE OF SALES: BND463.3 MILLION



RETAIL SALES INDEX ANNUAL 2025

The Retail Sales Index (RSI) measures the movements of retail sales activities. It serves as a leading economic indicator of the retail trade performance as well as consumer spending behavior.


INDEX TREND (2020 – 2025)



Year-on-Year Change Jan-Dec 2025 | Jan-Dec 2024

VALUE	VOLUME
▼ -3.9%	▼ -4.4%

YEAR-ON-YEAR CHANGE 2025



VALUE OF SALES: BND1,614.7 MILLION